

## **MPK TELAH MENGANGIHKAN RM2JUTA KEPADA GOLONGAN MISKIN**

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar : Majlis Perbandaran Kemaman telah mengangihkan RM2,082,982 sejak tahun 2007 hingga November 2010.

Dana bantuan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wilayah Dan Kesejahteraan Bandar ini telah diagihkan kepada 1,375 ketua isi rumah (KIR) yang menetap di dalam kawasan operasi Majlis Perbandaran Kemaman. Dana bantuan ini disediakan untuk membantu golongan miskin dan miskin tegar dalam kelangsungan hidup dan sekaligus membuka jalan untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

Daerah Kemaman berada di tangga ketujuh dari tujuh daerah dalam carta kemiskinan mengikut daerah di negeri Terengganu.

